



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MADANI பக்தி (Bhakti) Thaipusam 2026 **Khidmat, Bakti dan Harmoni dalam Semangat Thaipusam**

PUTRAJAYA, 27 Januari 2026 – Sempena sambutan perayaan Thaipusam, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) akan menganjurkan program **MADANI பக்தி (Bhakti) Thaipusam 2026** sebagai wadah menyemai nilai bakti, keharmonian dan kebersamaan, selari dengan semangat Malaysia MADANI yang mengangkat kesejahteraan insan, komuniti dan masa depan pekerjaan. Program KESUMA sempena Thaipusam ini memasuki penganjuran kali ketiga sebagai usaha berterusan mendekati masyarakat melalui perkhidmatan, peluang kemahiran dan sokongan kerjaya.

Program ini akan berlangsung selama **empat (4) hari bermula 29 Januari hingga 1 Februari 2026**, dengan kaunter perkhidmatan dibuka **setiap hari dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang di Batu Caves, Kuala Lumpur**. Penganjuran ini bertujuan untuk mendekatkan perkhidmatan, maklumat dan peluang pembangunan diri kepada masyarakat india dalam suasana perayaan yang penuh makna, keterbukaan dan saling menghormati.

Kemuncak program akan berlangsung dengan kehadiran **YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri** diringi bersama **YB Dato' Seri Ramanan Ramakrishnan, Menteri Sumber Manusia** yang akan membuat tinjauan persiapan sambutan Hari Thaipusam pada **30 Januari 2026 (Jumaat)**, mencerminkan nilai kebersamaan dan sokongan berterusan terhadap usaha menyantuni rakyat melalui pendekatan yang harmoni, inklusif dan berteraskan perpaduan selaras dengan visi Malaysia MADANI.

Sepanjang penganjuran, pengunjung berpeluang mengakses **pelbagai program dan perkhidmatan komprehensif** di reruai KESUMA yang merangkumi aspek kebajikan,

perlindungan sosial, pembangunan kemahiran, keselamatan pekerjaan serta sokongan kerjaya di Reruai KESUMA antaranya:

- **HRD Corp**
Perkongsian Kisah Kejayaan MISI 1.0 & MISI 2.0, kesedaran **Program Kemahiran VETRI MADANI**, serta akses kepada **e-LATiH Hub**;
- **PERKESO**
Kaunter **PERKESO LINDUNG** merangkumi semua akta perlindungan, kemudahan bas **saringan kesihatan** dan **profil kerjaya**;
- **PTPK**
Kaunter maklumat melibatkan **pendaftaran MyPerkasa TVET Portal**, khidmat **bayaran balik pinjaman** dan **penilaian kelayakan**;
- **NIOSH**
Program **keselamatan dan kesihatan pekerjaan**, latihan kesedaran serta pendedahan teknologi melalui **Virtual Reality (VR)**;
- **TalentCorp**
MyMahir SkillsLab, perkongsian Kisah Kejayaan MISI 2.0, **pendaftaran MISI 2.0**, serta maklumat mengenai peluang latihan industri (internship) dan insentif bagi belia dan pencari kerja.

Keseluruhan pengisian ini dirangka bagi memastikan manfaat dapat dirasai secara langsung, bukan sekadar dalam bentuk perkhidmatan, tetapi juga inspirasi, pembelajaran dan perancangan masa depan.

Orang ramai dijemput hadir ke reruai KESUMA bagi mendapatkan akses terus kepada perkhidmatan, peluang peningkatan kemahiran dan sokongan kerjaya, selaras dengan komitmen KESUMA dalam memperkukuh kesejahteraan dan kebolehpasaran tenaga kerja negara.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

27 JANUARI 2026

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpkerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	Human Resources Development Corporation (HRDC)
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	